

## **UCAPAN YDP**

### **MESYUARAT PENUH BIL 1/2016 MDKT**

Yang Berbahagia Dato' Hj Suhaimi bin Khalid  
Selaku Ketua WHIP

Yang Dihormati En LioKwang Meng  
Selaku Timbalan Ketua WHIP

Yang Berusaha En Mohd Hisham Bin Said  
Setiausaha Majlis Daerah Kota Tinggi

Yang Dihormati  
Ahli-Ahli Majlis Daerah Kota Tinggi  
Ketua-Ketua Jabatan

Tidak Dilupakan  
Barisan Pemerhati Majlis Daerah Kota Tinggi

Pergi Ke Istana Bersama Cik Mala  
Bersama Dengan Che Puan Siti  
2016 Sudah Pun Bermula  
Merakytakan PBT Memperkukuhkan MDKT

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi , Salam Sejahtera dan  
Salam Muafakat Johor

1. Sudah hampir sebulan tahun 2015 berlalu, sepanjang bulan ini, pelbagai gerak kerja ,aktiviti mahupun program-program yang melibatkan MDKT secara langsung mahupun tidak langsung telah diadakan malah dalam bulan ini sahaja YAB Menteri Besar yang kita sayangi telah sudi utk bersama – sama kita semua bagi merasmikan beberapa program Di Kota Tinggi yang melibatkan kawasan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Kota Tinggi.
2. Buat pengetahuan semua dalam bulan Januari sahaja YAB Menteri Besar telah bersama-sama rakyat di Daerah Kota Tinggi sebanyak 4 kali iaitu :
  - Majlis Perasmian Tunamaya Resort Di Bandar Desaru pada 9 Januari 2016
  - Majlis Perasmian RMMJ Di Taman Desaru Utama Clubhouse Bandar Penawar Kota Tinggi pada 10 Januari 2016
  - Majlis Perasmian Stesen Minyak Komersil PDB Di Pengerang pada 10 Januari 2016
  - Majlis Pecah Tanah Komuniti Johor Di Taman Daiman Jaya pada 24hb januari yang lalu.

Buat semua yang terlibat menjayakan program-program tersebut, jutaan terima kasih saya ucapkan.  
Semoga Allah memberkati anda semua.

Barang niaga dibawa ke Medan  
Harganya murah barangnya baik  
Slogan `Kepimpinan Melalui Teladan`  
Memang sebuah slogan terbaik

3. Pada 20hb Januari yang lalu ,satu perjumpaan bersama YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Haji Abd Latif Bin Haji Bandi telah di adakan di Simpang Rengam. Secara keseluruhannya beliau telah memberikan 12 titik penekanan utk dilaksanakan dan dipandang serius oleh semua PBT-PBT di dalam negeri Johor. Kedua belas titik sentuhan ada saya lampirkan dan sertakan di atas meja hadirin sekalian. Cuma saya rasa ada beberapa titik penekanan yang harus saya sampaikan untuk perhatian serta tindakan kita semua. Di antara yang penting ialah :

- Setiap PBT di Johor dikehendaki meningkatkan peruntukan perbelanjaan pembangunan sehingga 25%, terutamanya kepada keperluan masyarakat. Sebagai contoh Program riadah kepada masyarakat, Dewan Muafakat Johor, mengikut pendapatan masyarakat. Car booth sale, Luton van dilihat mampu member peluang untuk menambah pendapatan pada masyarakat.
- YAB MB memohon diwujudkan 1 Jawatankuasa yang diketuai oleh UPENJ untuk menubuhkan satu syarikat milik kerajaan negeri untuk jadi 1 syarikat yang menguruskan zon antarabangsa termasuk PBT-PBT seluruh Johor.
- Prestasi Marris 2016 akan dibentangkan dalam mesyuarat pada bulan Mac ini. Di harap semua yang terlibat mengambil serius dan tahu apa yang perlu dilakukan.
- Unit pengangkutan awam di PBT harus bekerjasama dengan SPAD dan JPJ, terutama isu kenderaan berat yang selalu mendatangkan masalah kepada semua terutama penduduk perumahan. Rungutan serta aduan terutama ditaman-taman perumahan berkenaan isu ini harus diselesaikan seberapa segera yang mungkin.

Petang Hari Pergi KePekan,  
Pulang Membawa SebungkusLaksa;  
Hidup Muhibah Perlu Diamalkan,  
Di Negara Malaysia Berbilang Bangsa.

Cantik Bergugus Buah Papaya,  
Masak Dipetik Satu PerSatu;  
Walaupun Berlainan Bangsa Budaya,  
Kerana Muhibah Hidup Bersatu.

4. Bukan mudah untuk memiliki sebuah negara yang aman jika rakyatnya berbilang kaum berdasarkan masa masyarakat antarabangsa. Kejayaan Malaysia mengekalkan keamanannya banyak bergantung kepada keupayaan rakyat Negara ini menyambut perayaan setiap kaum dengan penuh kegembiraan. Jelaslah, perayaan di Negara ini memberikan satu imej yang positif kepada Negara dengan begitu mudah. Saya rasa masih belum terlambat buat saya mewakili

MDKT mengucapkan Selamat Menyambut HariThaipusam bagi kaum India pada 24hb Januari yang baru sahaja berlalu , buat Kaum Cina pula ingin sekali saya Mengucapkan 'Kong Xi Fat Chai' yang akan di raikan pada 8hb Februari akan datang. Tentunya semua telah merancang aktiviti percutian tuan-tuan dan puan – puan, semoga semuanya dalam keadaan baik dan jagalah kesihatan dan keselamatan tuan-tuan dan puan – puan begitu juga anak – anak.

5. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini ingin saya ingatkan diri saya dan semua yang hadir agar kita semua harus bersatu, berusaha dan istiqamah memastikan segala perancangan yang telah dirancang bagi tahun 2016 ini berjalan dengan lancar dan Berjaya mencapai matlamat yang diinginkan dalam memajukan MDKT.
6. Dunia ini umpama lautan yang luas. Kita adalah kapal yang belayar di lautan telah ramai kapal karam didalamnya. Andai muatan kita adalah iman, dan layarnya takwa, nescaya kita akan selamat dari tersesat di lautan hidup ini. Moga pelayaran kita untuk memastikan matlamat Merakyatkan PBT akan memperolrhi kejayaan dan kenerkataan Allah S.W.T

***Banyak keluk ke penarik,  
Keluk tumbuh pohon kuini;  
Nan elok bawalah balik,  
Nan tak elok tinggallah di sini***

***Bunga dedap di atas para,  
Anak dusun pasang pelita;  
Kalau tersilap tutur bicara,  
Jemari disusun maaf dipinta***

Sekian, Kepada Allah Kita Berserah

Semoga Johor, khususnya Kota Tinggi lebih Inklusif, Lestari dan Sejahtera

Saya Akhiri Ucapan Saya Dengan, WabilahitaufikWalhidayah, Wassalamualaikum Warohmatullahi wabarakatuh, Salam Muafakat Johor dan Salam Sejahtera.

**AMANAT YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 20 Januari 2016 di Majlis Daerah Simpang Renggam**

1. PBT dikehendaki meningkatkan peruntukan perbelanjaan sehingga 25% peruntukan pembangunan, terutamanya kepada keperluan masyarakat. Cth Program riadah kepada masyarakat, Dewan Muafakat Johor, mengikut pendapatan masyarakat )
  - Car booth sale, Luton van boleh diberi peluang untuk tambah pendapatan pada masyarakat. Mana-mana yang kurang 25% tambah peruntukan 2016.
2. Boleh nasihat pengerusi yayasan untuk bantu pelajar dari segi tambang bas dan lain-lain.
3. Pelantikan baharu ahli majlis 2016-2017 mulai penggal semester berakhir 31 Januari 2016.
4. YAB MB Mohon diwujudkan 1 Jawatankuasa yang diketuai oleh UPENJ untuk menubuhkan satu syarikat milik kerajaan negeri untuk jadi 1 syarikat yang menguruskan zon antarabangsa termasuk PBT-PBT johor baru boleh menjadi pendapatan kepada kerajaan negeri.
5. Isu pungutan sampah – buat pada waktu malam, selesaikan isu bau busuk, kesesakan lalu lintas, anjing selongkar sampah.
6. Isu KPI – Pada bulan 6 akan view Peruntukan tahun 2016 dan bulan 12 view peruntukan bajet 2017. semua YDP bentang perancangan dalam Yayasan PBT dilapor secara terus ke YB Exco.
7. Peruntukan laluan berbasikal terutamanya ditaman-taman baru. Perabut jalan melalui peruntukan marris. (Bincang dengan YB PKN)
8. Panorama iklan yang tidak mengikut peraturan.
9. Isu Vape
10. Prestasi Marris 2016 akan dibentangkan dalam mesyuarat pada bulan tiga.
11. Pemerksaan Fungsi Ahli Majlis dan JPP – kawal demam denggi di tmn perumaha dengan bantuan kesihatan.
12. Unit pengangkutan awam di PBT – perlu kerjasama dengan SPAD dan JPJ, terutama isu kenderaan berat penting ditaman-taman perumahan.